

## UKHWAH ISLAMIAH

**06 Mei 2023/14 Syawal 1444H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَمْدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُّوْ اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُّونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Ukhwah Islamiah meraikan kepelbagaian keadaan kehidupan manusia termasuklah dalam sektor pekerjaan. Sesuatu pekerjaan

itu akan menjadi lebih cemerlang jika ditunjang dengan kekuatan Ukhwah Islamiah. Sebahagian besar daripada masa kita digunakan untuk berkerja, maka gunakanlah untuk bekerja mencari rezeki bagi memberi nafkah kepada keluarga. Kerja juga merupakan satu ibadah sekiranya kerja tersebut halal dan dilaksanakan dengan niat kerana Allah Subhanahu wa Taala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari :

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا إِسْتِعْفَافًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ ، وَسَعِيًّا عَلَىٰ أَهْلِهِ ،  
وَتَعَطُّفًا عَلَىٰ جَارِهِ ، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

**Yang bermaksud:** “Sesiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu jiran tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan pada malam purnama.”

Hadis ini juga menunjukkan bahawa Islam mementingkan ukhwah dan kebajikan jiran tetangga. Inilah salah satu bukti bahawa agama Islam adalah agama persaudaraan dan kasih sayang.

Allah Subhanahu wa Taala memerintahkan kita supaya mengukuhkan ukhwah sesama orang yang beriman serta menjauhi sebarang pertelingkahan yang sia-sia. Firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوهُ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Menjaga ukhwah dan silaturrahim sesama ahli keluarga, jiran tetangga, rakan sekerja dan saudara seakidah adalah suatu perkara yang wajib. Perpaduan dalam kalangan umat Islam dan ukhwah yang terjalin utuh menjadikan kita kuat. Syaratnya perpaduan itu hendaklah terbina atas dasar ketaatan kepada Allah dan Rasul. Sebaliknya perpecahan, pergaduhan dan persengketaan menjadikan kita lemah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Anfal ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ

وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

**Yang bermaksud:** “*Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Antara perkara yang boleh merosak dan meruntuhkan ukhwah Islamiah adalah perbuatan hasad dengki, saling membenci dan fitnah-memfitnah sesama kita. Kadangkala persengketaan juga boleh berlaku antara jiran tetangga berpunca daripada salah faham yang kecil. Rakan sekerja bermasam muka antara satu sama lain disebabkan ada batu api yang suka melaga-lagakan orang. Adik beradik juga ada yang berbalah akibat berebut harta pusaka. Demikian juga ada yang duduk sekampung tetapi saling membenci dan tidak bertegur sapa selama bertahun-tahun akibat berbeza fahaman politik.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud: “*Janganlah kamu saling membenci, janganlah kamu saling berdengki, janganlah kamu saling bermusuhan, dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara, dan tidak boleh bagi seorang Muslim meninggalkan (tidak bertegur) saudaranya lebih daripada tiga hari.*”

Di samping kita berusaha memelihara perpaduan sesama mukmin, janganlah pula kita mengabaikan perpaduan dengan bangsa-bangsa lain yang berlainan agama terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk dalam negara kita. Umat Islam diajar dengan akhlak dan adab yang terpuji. Maka dalam pergaulan kita bersama orang bukan Islam, kita juga perlu menjaga tata susila dan adab-adabnya. Tunjukkanlah teladan yang baik. Bergaulah dengan mereka dengan tutur kata yang baik. Jangan menghina. Jagalah adab berkomunikasi dan jangan sampai agama Islam dipandang negatif kerana sikap umatnya yang tidak beradab. Tidak mustahil, orang bukan Islam tertarik kepada agama Islam apabila melihat cantiknya akhlak umat Islam.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Ukhwah boleh dipupuk bermula dengan amalan solat fardu secara berjemaah di masjid atau di surau. Inilah amalan yang dapat mendekatkan hubungan antara kita. Kemudian hidupkanlah amalan memberi salam, saling bertegur sapa, bertanya khabar dan saling menziarahi antara satu sama lain. Tetap teguhlah kita semua mengikut jalan yang Allah dan Rasul-Nya tentukan. Memilih jalan yang lain selain daripada jalan yang lurus inilah punca kepada segala perpecahan.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ

عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

**Yang bermaksud:** “*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu semua bertakwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ  
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.